

KAEDAH PENTAKSIRAN BAGI KEMAHIRAN LISAN DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB SEKOLAH RENDAH

[ASSESSMENT METHODS FOR ORAL SKILLS IN ELEMENTARY SCHOOL ARABIC TEACHING]

NURUL AIN HASAN^{1*}, NIK MOHD RAHIMI NIK YUSOFF¹ & FARIZA KHALID

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Corespondent Email: p108096@siswa.ukm.edu.my

Received: 25 September 2022

Accepted: 21 October 2022

Published: 1 November 2022

Abstrak: Anjakan paradigma Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dilaksanakan bermula pada tahun 2013 melibatkan penggubalan kurikulum baru Bahasa Arab dengan memasukkan komponen baharu Pentaksiran. Pentaksiran merupakan salah satu daripada elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana ia bukan saja menilai apa yang dipelajari oleh murid, malah membantu guru mengenal pasti tahap pengajaran mereka. Pentaksiran adalah untuk mengukur dan menilai sejauh mana murid dapat menguasai objektif Pengajaran dan Pembelajaran dalam bilik darjah. Namun begitu, pentaksiran bagi kemahiran lisan kurang dititik beratkan dalam pengajaran bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka cara guru melaksanakan pentaksiran dalam proses pengajaran bahasa Arab bagi kemahiran lisan. Pemilihan peserta kajian dibuat berdasarkan kepada persampelan bertujuan yang mengambil kira kepakaran guru subjek sebagai kriteria utama berdasarkan maklumat dan cadangan daripada PPD Petaling Perdana di negeri Selangor. Seramai tiga orang guru Bahasa Arab peserta kajian telah terlibat dalam kajian ini. Ketiga- tiga GBA tersebut merupakan Jurulatih Utama PBD di peringkat PPD dan mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Arab lebih daripada 4 tahun. Data kajian ini telah dikumpulkan melalui temu bual yang dilakukan secara bersemuka. Instrumen protokol dibangunkan bagi setiap penelitian di lapangan dan data yang diperoleh dianalisis secara manual dan daptatan diuraikan secara deskriptif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian telah melaksanakan pentaksiran kemahiran lisan dalam bilik darjah dengan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang menarik dalam PdP Bahasa Arab. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat membantu para guru Bahasa Arab melaksanakan pentaksiran bilik darjah dengan penuh berintegriti dan berkesan.

Kata Kunci: Kaedah pentaksiran, kemahiran lisan, pengajaran bahasa Arab.

Abstract: The paradigm shift of the Malaysian Education Blueprint (PPPM) which is implemented at beginning of 2013 involves the drafting of a new Arabic curriculum by including a new component of the Assessment. Assessment is one of the crucial components in the process of teaching and learning. Nevertheless, verbal skills are often overlooked in the assessment of Arabic teaching. This is because it not only evaluates what students learn, but also helps teachers identify their level of teaching. Assessment is to measure and evaluate the extent to which students can master the objectives of Teaching and Learning in the classroom. However, the assessment of oral skills is less emphasized in the teaching of Arabic. Therefore, this study aims to explore how teachers implement assessment in the process of teaching Arabic for oral skills. The selection of study participants was made based on purposive sampling that took into account subject teacher expertise as the main criteria based on information and recommendations from PPD Petaling Perdana in the state of Selangor. A total of three

Arabic teachers participating in the study were involved in this study. The three GBAs are PBD Lead Trainers at the PPD level and have more than 4 years of experience teaching Arabic subjects. Data for this study was collected through face-to-face interviews. A protocol instrument is developed for each research in the field and the data obtained is analyzed manually and the findings are described descriptively. The findings of the study show that the study participants have implemented oral skills assessment in the classroom with a variety of interesting teaching methods and techniques in PdP Arabic. Therefore, this study is expected to help Arabic teachers carry out classroom assessment with integrity and effectiveness.

Keywords: Assessment methods, oral skills, Arabic language teaching.

Cite This Article:

Nurul Ain Hasan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Fariza Khalid. (2022). Kaedah Pentaksiran bagi Kemahiran Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab Sekolah Rendah [Assessment Methods for Oral Skills in Elementary School Arabic Teaching]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(4), 85-105.

PENGENALAN

Pentaksiran merupakan salah satu daripada komponen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ini kerana ia bukan saja menilai apa yang dipelajari oleh murid, malah membantu guru mengenal pasti tahap pengajaran mereka. Pentaksiran adalah untuk mengukur dan menilai sejauh mana murid menguasai objektif Pengajaran dan Pembelajaran dalam bilik darjah. Malah kurikulum di Malaysia telah mengalami banyak perubahan seiring dengan keperluan pendidikan semasa. Selain itu, aspek yang mengalami banyak perubahan ialah amalan pengajaran dan pentaksiran guru. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di Malaysia menumpukan kepada pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dan pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*) (KPM, 2018).

Mata pelajaran Bahasa Arab adalah mata pelajaran elektif tunjang komunikasi di bawah bahasa Tambahan bersama dengan Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Iban (KPM, 2013). Bahkan ia diajar sebagai bahasa komunikasi yang menggunakan pendekatan modular. Merujuk kepada Dokumen Standard Prestasi (DSKP) KSSR bagi mata pelajaran Bahasa Arab, kemahiran mendengar dan bertutur merupakan salah satu kemahiran berbahasa yang ditaksir di dalam bilik darjah di peringkat sekolah rendah. Malah menurut Nik Mohd Rahimi (2003), kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas dan utama yang perlu dikuasai dalam proses mempelajari bahasa.

Pentaksiran berlangsung secara berterusan sepanjang tahun bertujuan untuk membolehkan guru sebagai pentaksir melihat tahap perkembangan dan pembelajaran murid (KPM, 2016). Kaedah pentaksiran memerlukan kompetensi guru dalam membuat penilaian dalam proses pelaksanaan PBD. Selain itu, kebanyakan murid kurang menguasai dalam kemahiran bertutur disebabkan oleh teknik pengajaran yang digunakan oleh guru sebelum ini kurang mantap (Hairun Najuwah et.al. 2017).

Justeru itu, kajian yang lebih terperinci perlu dijalankan untuk meneroka cara guru melaksanakan pentaksiran dalam proses pengajaran bahasa Arab sekolah rendah bagi

kemahiran lisan. Kajian ini juga memfokuskan kepada kaedah pentaksiran guru bahasa Arab dalam bilik darjah yang melibatkan dua kemahiran berbahasa iaitu mendengar dan bertutur.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif adalah untuk meneroka cara pentaksiran dalam pengajaran guru bahasa Arab bagi kemahiran lisan. Bagi mencapai tujuan kajian ini, soalan kajian yang dirangka adalah bagaimanakah guru melaksanakan pentaksiran dalam pengajaran bahasa Arab bagi kemahiran lisan?

SOROTAN LITERATUR

Pentaksiran Bilik Darjah

Pentaksiran merupakan satu proses untuk mendapatkan maklumat seterusnya membuat penghakiman tentang produk sesuatu sistem pendidikan (LPM, 2000). Menurut Wan Zuhairi (2017), pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah memerhati atau melihat proses pembelajaran dalam bilik darjah. Kedua-dua elemen ini saling berkait antara satu sama lain yang mana ianya berlaku secara serentak semasa proses PdP berlangsung di dalam bilik darjah. Bahkan ianya meliputi proses menghurai, mengumpul, merekod, mencatat segala perkembangan murid dan menyampaikan maklumat pembelajaran murid secara terperinci (Omar Mohd Hashim, 2003).

Menurut Jacob dan Parkinson (2015), PBD merupakan satu kaedah yang diperkenalkan untuk mengukur proses perkembangan pembelajaran murid secara berterusan. Malah penyataan tersebut juga turut diakui oleh Arumugham (2020), dalam kajiannya yang berkaitan dengan Pentaksiran Bilik Darjah untuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Pentaksiran berterusan bermaksud sesuatu sistem yang menilai kualiti kerja murid bagi setiap peringkat. Memang tidak dapat dinafikan, pentaksiran dalam bilik darjah merupakan sebahagian besar daripada aktiviti penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (McMillan, 2000). Tujuan utama pentaksiran adalah untuk membantu murid menguasai kandungan pelajaran (Akhbar & Zaliha, 2002), memperbaiki pembelajaran murid dan pemberian gred (Airasian, 2001); Black & William, 1998; Looney, Cumming, Van Der Kleij & Harris, (2017).

Sebagaimana yang kita ketahui, guru perlu merancang aktiviti pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran di dalam bilik darjah. Hal ini bertepatan dengan pendapat Maki (2002) yang menyarankan agar pentaksiran sekolah bermula dengan mengenal pasti objektif pengajaran dengan jelas. Malah setiap perancangan yang guru ingin laksanakan berpandukan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran. Terdapat tiga standard yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid iaitu, Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Selain itu, dalam pengajaran bahasa Arab turut menekankan kepada kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh murid.

Pentaksiran Bahasa Arab Sekolah Rendah

Pentaksiran bahasa Arab sekolah mengikut Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Arab berfokus kepada empat kemahiran asas yang merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Walau bagaimanapun, kemahiran mendengar dan bertutur dan mendengar telah digabungkan menjadi satu kemahiran yang dikenali sebagai kemahiran lisan. Pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Arab memerlukan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik tertentu bagi memastikan murid-murid dapat menguasai kedua-dua kemahiran tersebut dengan jayanya. Malah tahap perkembangan murid juga diukur berdasarkan tahap penguasaan dan kemajuan pembelajaran mereka di dalam bilik darjah.

Kaedah pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang telah diketengahkan dalam kajian-kajian lepas ialah kaedah teater (Maisarah, 2017), kaedah *speaker call on the next* (Muhammad Firdaus & Hassan Aidi, 2016), kaedah main peranan (Fatik Rosyidah, 2016), kaedah terus (Rohaizaf Mizani, 2013), dan kaedah model ARTIKULASI (Selamat Sukirno, 2016). Pertuturan menggunakan bahasa kedua atau bahasa asing memang sukar kepada murid-murid yang bukan penutur jati bahasa tersebut. Namun begitu, ia bukan satu halangan untuk murid-murid mempraktikkannya di dalam bilik darjah. Penyataan tersebut menyokong pendapat Khalid Muhammad al-Zuwawiy (2006) yang menyatakan bahawa bahasa Arab mudah diperoleh dan dikuasai oleh murid-murid melalui hubungan sosial mereka khususnya dalam dan luar bilik darjah. Oleh itu, kemahiran sosial amat perlu untuk mempelajari bahasa kerana kemampuan bahasa paling berkesan ialah melalui proses mendengar dan bertutur. Apabila seseorang murid itu memahami apa yang didengarinya, maka dia dapat menuturkannya semula.

Dalam kajian Wan Zuhairi (2017), mengatakan bahawa ‘pentaksiran untuk pembelajaran’ banyak membantu meningkatkan pembelajaran murid. Melalui pentaksiran ini, murid akan menerima maklum balas bagi mempertingkatkan lagi pembelajaran. hal ini menunjukkan pentaksiran memberi peluang dan ruang kepada guru untuk mempelbagaikan kaedah atau cara penilaian di dalam bilik darjah. Di samping itu, guru-guru juga dapat mengenal pasti keperluan pembelajaran murid di dalam bilik darjah sepanjang sesi pengajaran berlangsung. Oleh itu, maklum balas daripada murid selepas sesi pengajaran dan pembelajaran sangat penting untuk guru membuat penambahbaikan dalam PdP.

Pelaksanaan PBD yang dilakukan secara terancang dan pengurusan evidens oleh guru dapat meningkatkan pencapaian murid dalam bilik darjah. Berdasarkan hasil kajian Wan Zuhairi (2017), menyatakan sekiranya guru gagal memahami tentang kaedah pengurusan evidens pentaksiran sekolah dengan baik, maka aktiviti pentaksiran berlaku seolah-olah menjadi perkara rutin sahaja. Berikutnya dapatan kajian Normazidah (2012) turut menunjukkan responden GBA menyatakan masih kurang mahir untuk mengetahui tentang pencapaian pelajar semasa melaksanakan pentaksiran sepanjang proses pengajaran dalam bilik darjah. Bahkan terdapat sebahagian responden GBA yang masih tidak mahir untuk mengukur pencapaian pelajar sama ada sudah menguasai topik yang baru disampaikan.

Kemahiran Lisan

Kemahiran bahasa merupakan perkara asas dalam penguasaan dan pembelajaran sesuatu bahasa. Murid-murid yang dapat menguasai kemahiran bahasa akan dapat menggunakan

kemahiran tersebut untuk mendalami bahasa dengan lebih baik (DSKP Bahasa Arab KSSR, 2019). Kemahiran lisan merupakan salah satu daripada komponen kemahiran berbahasa yang ditaksir atau dinilai dalam pentaksiran bilik darjah. Kemahiran lisan tersebut menggabung dua kemahiran iaitu mendengar dan bertutur atau (مُهَارَةُ الِاسْتِمَاعِ وَالْكَلَامِ). Dalam DSKP bahasa Arab Tahun Lima sekolah rendah menyatakan bahawa kemahiran mendengar ditaksir adalah untuk menilai kemampuan dalam mendengar dan memahami perkara yang didengar dan memberi respons terhadapnya. Manakala kemahiran bertutur pula adalah kemampuan murid untuk berkomunikasi dan menyampaikan idea dan maklumat melalui ungkapan dengan menitikberatkan tekanan suara yang betul dan intonasi yang sesuai.

Berdasarkan kepentingan kemahiran lisan dalam pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah rendah, maka kajian demi kajian telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lepas bagi meningkatkan tahap penguasaan murid dalam bertutur bahasa Arab. Secara umumnya, kajian tentang kemahiran lisan telah mendapat perhatian ramai pengkaji sama ada peringkat antarabangsa (Brown & Yule 1983; Buck 2001; Chiang & Dunkel 1992; Elkhafaifi 2005; Fulcher 2003; Rost 2002) ataupun pada peringkat Malaysia (Abdul Aziz 1998; Baskaran 1990; Khatijah & Abdul Aziz 1987). Selain itu, dalam konteks kemahiran lisan bahasa Arab terdapat juga pengkaji yang menumpukan kepada kemahiran mendengar sahaja (Nik Mohd Rahimi, 2004). Manakala bagi kemahiran bertutur antaranya ialah (Zawawi 2008; Zulharby, Rasyid & Nuruddin 2019; Mukhtar & Damit 2017; Jamali, Rahman & Isa 2017, Abdullah Hamzah 2018; Masyitah & Kaseh 2018).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian kes secara kualitatif telah dipilih untuk menjalankan kajian kajian ini. Menurut Creswell (2007), penyelidikan kualitatif adalah satu proses untuk memahami masalah sosial atau manusia berdasarkan kepada situasi yang menyeluruh dan kompleks, melalui kaca mata pengkaji yang mendalam serta dijalankan secara realiti dan semula jadi. Selain itu, ia juga melibatkan peserta kajian di lokasi sebenar. (Marohaini 2001; Merriam 1990, 2001, 2009). Pada kebiasannya, kajian kualitatif dijalankan oleh pengkaji disebabkan minat untuk meneroka, membuat tafsiran dan mendapat pemahaman yang mendalam tentang sesuatu kes dan bukannya untuk menguji hipotesis (Othman Lebar, 2014). Menurut Donmofer (1990), dua kelebihan utama yang ada pada kajian kajian kes adalah dapat memberi peluang kepada pengkaji untuk mengakses sendiri lapangan kajian sebenar dan memprolehi daptan kajian daripada kaca mata peserta kajian itu sendiri. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji bertindak sebagai instrumen kajian yang hadir sendiri di lapangan kajian sebenar.

Persampelan

Dalam penyelidikan kualitatif, proses pemilihan peserta kajian perlu dilakukan dengan teliti dan bertujuan (Othman, 2012). Oleh itu, teknik pemilihan peserta kajian kes ini dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Malah, kaedah persampelan bertujuan ini turut disarankan oleh Gall, Gall dan Borg (2003), McMilan &

Schumacher 2006; Merriam 1998; Miles & Hubberman 1994; Patton 2002). Peserta kajian dalam kajian kes ini adalah seramai 3 orang Guru Bahasa Arab yang mengajar di sekolah rendah negeri Selangor. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur.

Justeru itu, pengkaji telah membina inventori protokol temu bual untuk digunakan semasa proses temu bual dijalankan bersama dengan peserta kajian. Malah kaedah yang digunakan untuk soalan temu bual adalah berbentuk separa berstruktur. Instrumen kajian terdiri daripada soalan-soalan temubual yang diadaptasi daripada kajian-kajian lepas berkaitan dengan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. Tambahan lagi, temu bual separa berstruktur membolehkan pengkaji menyoal setiap persoalan kajian tanpa mengikut urutan dan bergantung kepada maklum balas yang diberikan oleh peserta kajian (Merriam, 1998). Dalam kajian ini, peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria berikut iaitu:

- i. Pengkaji telah mendapat cadangan daripada Pegawai PPD bahagian jQAF Petaling Perdana.
- ii. Peserta kajian merupakan guru terlatih, Jurulatih Utama PBD dan pakar dalam bidang pengajaran bagi matapelajaran Bahasa Arab.
- iii. Lokasi dan tempat kajian mudah untuk dimasuki dan mendapat kebenaran serta sokongan daripada Guru Besar dan pihak pentadbir sekolah.

Kaedah Analisis Data

Menurut Noraini Idris (2003), proses menganalisis data diperolehi hasil daripada temu bual dan dibuat transkripsi secara verbatim untuk proses pengumpulan data. Semasa dalam proses membaca dan menanda transkrip, setiap petikan temu bual yang boleh menjawab segala persoalan kajian telah ditanda dengan tajuk tertentu. Hal ini bertujuan untuk mengkategorikan tema-tema yang bersesuaian dengan kajian tersebut. Bahkan setiap tema merujuk kepada data kajian yang telah dikumpul dan mengambil kira tentang kesahan dan kebolehpercayaan.

DAPATAN KAJIAN

Dalam kajian ini, tiga orang peserta kajian yang terlibat telah ditemu bual secara bersemuka di sekolah masing-masing. Peserta kajian 1 merupakan guru Bahasa Arab yang berpengalaman mengajar Bahasa Arab selama 14 tahun di sekolah kebangsaan. Terkini, beliau berkhidmat di sebuah sekolah kluster kecemerlangan di Shah Alam, Selangor. Beliau juga seorang graduan daripada Universiti Al-Azhar, Mesir. GBA ini dipilih sebagai peserta kajian atas cadangan Pegawai PPD kerana mempunyai pengalaman yang luas dalam PdP dan juga seorang Jurulatih Utama PBD peringkat daerah. Selain itu, beliau juga sering kali dijemput untuk menjadi hakim pertandingan dalam Kalam Jamaei di negeri Selangor.

Peserta kajian 2 pula merupakan guru Bahasa Arab yang mengajar di sekolah kebangsaan dan merupakan Jurulatih Utama PBD di peringkat kebangsaan. Beliau merupakan graduan IPG Kampus Sultan Mizan dalam bidang Pendidikan Bahasa Arab. kemudian beliau telah menyambung pelajaran di peringkat Sarjana dalam bidang yang sama di Universiti Islam Antarabangsa. Seorang guru muda Bahasa Arab yang aktif dan berinovasi dalam usaha memartabatkan bahasa Arab di sekolah. Hal ini jelas terbukti apabila beliau telah

dianugerahkan sebagai guru cemerlang Bahasa Arab peringkat kebangsaan. Selain itu, beliau juga telah berjaya membimbing murid-murid sekolahnya dan muncul Johan dalam pertandingan Inovator Pendidikan Bahasa Arab di peringkat antarabangsa. Bahkan beliau juga salah seorang penyampai Didik TV dalam subjek bahasa Arab.

Peserta kajian 3 pula merupakan Jurulatih Utama PBD di peringkat Daerah. Beliau berpengalaman mengajar selama 10 tahun di beberapa buah sekolah. Beliau memproleh Diploma Pendidikan KPLI j-QAF pada tahun 2012 di Negeri Sembilan. Kemudiannya pada tahun 2018 beliau telah menyambung pelajaran di peringkat Sarjana dalam pendidikan Bahasa arab di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga terlibat secara langsung membuat penyebaran DSKP dan memberi penataran berkaitan PBD kepada guru-guru Bahasa Arab di Selangor. Walaupun sibuk dengan tugas hakiki, beliau masih dapat memberikan komitmen dalam melatih murid untuk pertandingan Kalam Jamai peringkat kebangsaan. Beliau ditugaskan untuk menyemak teks tersebut dan bersama-sama membimbing pasukan tersebut. Jadual 4.1 menunjukkan dapatan demografi peserta kajian secara keseluruhan.

Jadual 4.1 Demografi peserta kajian


Peserta Kajian	Sekolah	Opsyen	Kelulusan Akademik	Pengalaman mengajar	Jantina	Umur
GBA 1	SK Delima	Bahasa Arab	BA Universiti Al-Azhar	14 tahun	Perempuan	42 tahun
GBA 2	SK Nilam	Bahasa Arab	MA Pend. B. Arab Universiti Islam Antarabangsa	4 tahun	Lelaki	28 tahun
GBA 3	SK Mutiara	Bahasa Arab	MA Pend. B. Arab Universiti Kebangsaan Malaysia	10 tahun	Perempuan	34 tahun

Dapatan ini adalah untuk melihat hasil daripada temubual yang dilakukan oleh pengkaji terhadap tiga orang peserta kajian dengan menggunakan soalan temubual separa berstruktur. Secara khususnya dapatan data yang diproleh menjawab kepada persoalan kajian yang telah dibina iaitu :

1. Bagaimana guru melaksanakan pentaksiran dalam pengajaran bahasa Arab bagi kemahiran lisan?

Berdasarkan dapatan, guru Bahasa Arab telah menghasilkan empat tema utama iaitu (i) perancangan guru, (ii) pentaksiran berterusan, (iii) pemilihan kaedah pentaksiran lisan, dan (iv) bentuk pentaksiran. Tema pertama bagi perancangan guru dipecahkan kepada dua sub tema iaitu (i)merancang kaedah murid mendengar dan bertutur, (ii) merancang bahan kemahiran

mendengar dan bertutur. Manakala tema kedua ialah pentaksiran berterusan menghasilkan tiga sub tema iaitu i) pentaksiran berterusan sepanjang pengajaran, (ii) pentaksiran berterusan sepanjang tahun, dan (iii) pentaksiran secara tidak langsung . Tema yang ketiga ialah pemilihan kaedah pentaksiran kemahiran lisan menghasilkan dua iaitu mendengar dan bertutur. Seterusnya tema yang keempat pula adalah bentuk pentaksiran yang menghasilkan dua subtema iaitu pentaksiran formatif dan sumatif. Rajah 4.2 menunjukkan gambaran keseluruhan tema utama dan juga subtema-subtema yang telah dikategorikan sebagai kaedah pentaksiran pengajaran Bahasa Arab bagi kemahiran lisan.



Perancangan Guru

i Merancang kaedah murid mendengar dan bertutur

Kemahiran mendengar merupakan salah satu kemahiran yang paling utama dalam kemahiran berbahasa. Tambahan pula, kemahiran mendengar merupakan kemahiran menaakul dan memproses maklumat menggunakan komunikasi lisan. Jika seseorang itu tidak dapat mendengar dengar baik, maka proses maklumat yang akan diterima tidak tercapai. Pengkaji mendapati ketiga-tiga peserta kajian merancang kaedah kemahiran mendengar dan menggabungjalin dengan kemahiran bertutur. Kemahiran lisan sememangnya tidak boleh

dipisahkan antara mendengar dan bertutur. Perkara ini terbukti apabila GBA 2 dalam temu bualnya menyatakan:

“Bagi saya, apabila melibatkan maharah istima’ dan kalam ni, dia sekalian..bila lisan ni die istima’ kan..bagi saya budak-budak ni dia tak bermula dengan istima’.. the first thing dalam berbahasa kita kena bercakap kan.

Guru perlu merancang kaedah yang bersesuaian supaya murid boleh bertutur dalam bahasa Arab dengan baik di dalam bilik darjah. Hasil kajian juga menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian iaitu GBA 1, GBA 2 dan GBA 3 telah merancang kaedah yang sesuai agar murid boleh bertutur menggunakan kalimah bahasa Arab bagi setiap topik yang diajarkan. Guru perlu merancang kaedah yang sesuai agar murid berpeluang bertutur menggunakan kalimah bahasa Arab yang mudah seperti petikan temu bual GBA 3 berikut,

“ sebelum saya ajar memang akan rancang dulu..jika nak ajar pasal maharah kalam, saya cakap awak kena hafal sekurang-kurangnya lima kosa kata sebelum nak belajar bahasa Arab”...

(TB/GBA 3)

Perancangan awal merupakan salah satu kaedah penting yang harus dilakukan oleh guru Bahasa Arab sebelum menlaksanakan proses PdP. Apabila guru pandai merancang setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran, sudah pasti objektif pembelajaran akan dapat dicapai oleh murid dengan berkesan.

ii Merancang bahan kemahiran mendengar dan bertutur

Merancang bahan kemahiran bertutur bermaksud guru menggunakan bahan kemahiran bertutur dalam proses PdP. Bahan yang digunakan oleh GBA merupakan salah alat yang dapat membantu dan merangsang aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah lebih menarik. Bagi murid-murid sekolah rendah, mereka akan mudah tertarik dan seronok untuk belajar apabila guru menggunakan bahan bantu mengajar. Hasil kajian menunjukkan GBA 2 dan GBA 3 telah merancang bahan kemahiran dan mendengar untuk muridnya.

Berikut adalah pernyataan GBA 2 yang menyatakan bahawa kemahiran mendengar dan bahasa Arab dirancang menggunakan rakaman suara contohnya:

“Contoh saya akan rakam suara, dia dengar dan akan sebut

(TB/GBA 2)

Merancang bahan bagi kemahiran lisan memerlukan kreativiti seseorang guru bagi menastikan murid-murid lebih seronok untuk belajar. Di samping itu, secara tidak langsung guru boleh menilai dan mentaksir murid semasa dan selepas proses PdP berlangsung di dalam bilik darjah.

Pentaksiran secara berterusan

Tema kedua bagi kaedah pentaksiran pengajaran Bahasa Arab bagi kemahiran lisan adalah berlaku secara beterusan sepanjang PdP. Seterusnya tema ini telah menghasilkan empat subtema lain iaitu, pentaksiran sepanjang PdP, sepanjang tahun, berakhir tajuk dan secara tak langsung. Keempat-empat subtema dijelaskan secara terperinci seperti berikut;

1. Pentaksiran sepanjang PdP

Pentaksiran secara beterusan adalah pentaksiran yang berlaku sepanjang PdP Bahasa Arab di dalam bilik darjah. Perkara ini boleh berlaku semasa proses PdP di awal, tengah atau di akhir pengajaran. Hasil kajian mendapati ketiga-tiga peserta kajian GBA 1, GBA 2 dan GBA 3 menjalankan pentaksiran secara serentak dalam PdP. Berikut adalah petikan temubual GBA 1 yang menunjukkan pentaksiran berlaku sepanjang PdP Bahasa arab iaitu, “ saya memang akan taksir dan nilai murid masa tengah ajar tu..saya akan tengok la kemahiran yang saya nak taksir..”(TB/GBA 1). Malah GBA 3 juga turut menyatakan, “biasanya murid yang bagi respon lebih awal, saya akan kenalpasti murid tu...”(TB/GBA 3).

2. Pentaksiran sepanjang tahun

Subtema seterusnya adalah pentaksiran yang berlaku sepanjang tahun. Pentaksiran berterusan berlaku sepanjang tahun telah dilakukan oleh guru semasa proses PdP Bahasa Arab. Hasil kajian juga menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian melaksanakan pentaksiran berlaku sepanjang tahun. Berikut adalah pernyataan GBA 3 yang melaksanakan PBD sepanjang tahun iaitu, “ sekolah kami buat 4 kali setahun..cam ni, PBD 1 bulan (Jan-Mac), PBD 2 bulan (April-Jun), PBD 3 (Julai-September) dan PBD 4 (Oktober-Disember)”.. (TB/GBA 3).

Pentaksiran PBD berlaku sepanjang tahun mengikut keperluan sekolah masing-masing. Pentaksiran yang dilaksanakan juga akan direkodkan oleh guru menggunakan borang pentaksiran yang telah ditetapkan oleh sekolah dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pentaksiran secara tidak langsung

Subtema yang ketiga adalah pentaksiran secara tidak langsung. Pentaksiran berterusan secara tidak langsung bermaksud pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru berlaku secara tidak formal sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Bahkan ianya boleh berlaku tanpa pengetahuan murid itu sendiri. Walau bagaimanapun, murid-murid sentiasa diingatkan oleh guru bahawa pentaksiran akan berlaku dalam apa jua situasi. Hasil kajian menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian menlaksanakan pentaksiran tersebut seperti mana dalam temu bual bersama GBA 2 iaitu;

“lagi satu dia amik buku, dan cakap syukran tu pun dah boleh taksir. Kat situ saya dah boleh nilai yang die boleh sebut..”

(TB/GBA 3)

Pemilihan kaedah pentaksiran

Tema ketiga bagi kaedah pentaksiran pegajaran Bahasa Arab bagi kemahiran lisan adalah pemilihan kaedah pentaksiran. Berikutnya ialah subtema bagi pemilihan kaedah pemilihan pentaksiran terbahagi kepada dua iaitu pentaksiran bagi kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Pentaksiran bagi kaedah kemahiran mendengar terdapat tiga sub tema iaitu (i) dengar dan faham, (ii) dengar dan tulis, dan (iii) dengar dan sebut. Perincian bagi subtema kaedah pentaksiran kemahiran mendengar adalah seperti berikut;

a) Pemilihan kaedah pentaksiran bagi kemahiran mendengar

Subtema pemilihan kaedah pentaksiran kemahiran mendengar menghasilkan tiga subtema lain iaitu melalui dengar dan faham, dengar dan tulis dan dengar dan sebut. Oleh itu, perincian subtema kaedah pentaksiran bagi kemahiran mendengar adalah seperti berikut;

i) Melalui dengar dan faham

Kemahiran mendengar merupakan kemahiran utama dan pertama yang perlu dikuasai oleh semua kanak-kanak sebelum mengujarkan perkataan (Nik Mohd Rahimi, 2003). Hal ini merupakan salah satu proses untuk mereka berkomunikasi secara lisan bagi menyampaikan sesuatu maklumat. Justeru itu, murid-murid yang dapat menguasai kemahiran mendengar dengan baik, seharusnya dapat mendengar apa yang dituturkan oleh orang lain (Kamaruddin, 1986). Malah secara tidak langsung mereka boleh memahami serta menuturnya semula dan boleh berkomunikasi dengan baik. Oleh yang demikian, kemahiran mendengar merupakan salah satu kemahiran yang ditaksir dalam pengajaran Bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan peserta kajian GBA 2 Dan GBA 3 telah melaksanakan aktiviti pentaksiran tersebut dengan melihat respons murid di dalam bilik darjah.

Berikut adalah pernyataan GBA 2 yang menyatakan kaedah kemahiran mendengar dalam temu bual;

“Bagi saya, apabila melibatkan maharah istima’ dan kalam ni, dia sekalian..bila lisan ni die istima’ kan..bagi saya budak-budak ni die tak bermula dengan istima’ faham tak?... bagi pemerhatian saya laa..contohnya, kenapa kita boleh cakap melayu? Sebab kita dengar dari kecik lagi kan mak kita cakap dalam bahasa melayu. Sama juga kalo kita dengar baby tu boleh cakap orang putih sebab dari kecik duk dengar mak die cakap orang putih.”

Contohnya kumpulan pertama saya tanya “hal antum musta’iddun”? kumpulan kedua pulak saya tanya “hal antum musta’iddun alyaum? Tambahan tambah tetap sama kan..lama-lama dia boleh difahami dan boleh bercakap lah”...

(TB/GPA 2)

Pernyataan yang sama turut dilaporkan oleh GBA 3 yang menyatakan kemahiran mendengar perlu difahami oleh murid.

“ Jika murid tak dengar dan faham, macam mana dia nak belajar?..ada murid jawab salah bila saya soal, dia dengar tapi itu tandanya dia tak faham..”

(TB/GBA 3)

ii) Melalui dengar dan tulis (Imla’)

Pemilihan kaedah dengar dan tulis merupakan kaedah yang sering digunakan oleh guru dalam proses PdP. Selain itu, kaedah ini juga dilaksanakan oleh guru Bahasa Arab apabila ingin mentaksir murid di dalam bilik darjah. Kebiasaan guru Bahasa Arab akan memastikan murid-murid menghafal terlebih dahulu sebelum diadakan ujian tersebut. hasil kajian mendapati ketiga-tiga peserta kajian melaksanakan aktiviti pentaksiran ini di dalam bilik darjah. Hasil temu bual bersama GBA 2 adalah seperti berikut;

“Contohnya saya semak dalam buku latihan, bezakan (tasnif)..contoh perkataan : alimun dan AAlimunn.. die kena bezakan sebutan huruf antara huruf alif (ا) dan huruf ain (ع).

iii) Melalui dengar dan sebut

Subtema berikutnya pula adalah kaedah kemahiran mendengar melalui dengar dan sebut semula. Kemahiran mendengar yang dilaksanakan oleh guru terhadap murid di dalam bilik darjah secara berulang kali melalui sebutan. Aktiviti ini untuk mengukur tahap penguasaan murid bagi kemahiran mendengar. Kaedah ini memerlukan guru menyebut terlebih dahulu dan murid akan menyebutnya semula. Hasil kajian ini menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian telah melaksanakannya. Berikut adalah contoh petikan temubual Bersama dengan GBA 1;

“kadang-kadang saya suruh dia dengar, saya bagi contoh perkataan mushtun (مشteen) banyak kali ulang, lepas tu murid-murid akan sebut.”


(TB/GBA 1)

Malah perkara yang sama juga turut dilakukan oleh GBA 2 yang mana beliau menyatakan;

“apa yang saya buat, die kena sebut tanpa melihat teks..kena dengar la. Contoh saya rakam suara, dan budak tu sebut. Yang penting die boleh dengar.

(TB/GBA 2)

Secara keseluruhannya tema dan subtema kaedah pentaksiran bagi kemahiran mendengar bagi pengajaran Bahasa Arab sekolah rendah adalah seperti Rajah 4.3 berikut.



Rajah 4.3 Kaedah pentaksiran kemahiran

b) Pemilihan kaedah pentaksiran bagi kemahiran bertutur

Pemilihan kaedah pentaksiran bagi kemahiran bertutur pula telah melahirkan tiga subtema iaitu melalui lughatul fasli, melalui ulang dan sebut, dan melalui soal jawab. Seterusnya perincian subtema pemilihan kaedah pentaksiran bagi kemahiran bertutur adalah seperti berikut;

i. Melalui lughatul fasli

Salah satu kaedah pentaksiran yang dilakukan oleh guru bahasa Arab di dalam bilik darjah adalah dengan menggunakan lughatul fasli, iaitu ucapan atau ungkapan mudah dalam bahasa Arab. Penggunaan ungkapan mudah bahasa Arab di dalam bilik darjah mampu memantapkan murid dengan penguasaan kemahiran berbahasa. Bahkan ini jelas terbukti apabila ketiga-tiga peserta kajian melaksanakan penggunaan lughatul fasli dan murid mampu memahaminya sedikit demi sedikit. Justeru itu, dalam proses PdP Bahasa Arab amat menitikberatkan kepada guru-guru untuk bertutur dalam bahasa Arab semaksima yang mungkin. Hasil kajian mendapati GBA 2 dan GBA 3 kerap bertutur dalam bahasa Arab dan menggunakan lughatul fasli di dalam bilik darjah. Berikut adalah contoh petikan temu bual bersama GBA 2;

“ Jadi saya pun kena cakap jugak dalam bahasa Arab, sebab nakkan penggunaan ‘lughatul fasli’ tuu..contohnya saya sebut tarikh dan hari dalam bahasa Arab. (TB/GBA 2). Malah pernyataan ini juga dilakukan oleh GBA 3 yang menyatakan, “ sobahal khair, murid jawab sobahal nur, qiyaman, ijlis, dan lain-lain tu pun dah boleh taksir murid.

(TB/GBA 3)

ii) Melalui ulang dan sebut

Subtema berikutnya adalah kaedah kemahiran bertutur melalui ulang dan sebut yang dilaksanakan oleh guru dengan mengulangi sebut perkataan dalam Bahasa Arab. Teknik ulang sebut merupakan salah satu cara memudahkan murid-murid menghafal kosa kata Bahasa Arab. Apabila mereka sering mengulang dan menyebut di dalam bilik darjah bersama-sama dengan guru atau rakan sekelas, sudah pasti tahap penguasaan bagi kemahiran bertutur lebih baik. Selain itu, teknik ulang dan sebut dapat membantu murid-murid meningkatkan penggunaan kosa kata dalam bertutur Bahasa Arab. Pernyataan ini telah diperakui oleh ketiga-tiga peserta kajian.

“budak yang ada masalah pembelajaran sekali pun boleh dapat TP 3 asal die sebut je pun..sekarang ni bahasa je pun.. sekarang ni kita fokus kepada bahasa lisan kan..budak boleh bertutur dan bukannya fokus kepada membaca. Jadi saya rasa maharah istima’ dan kalam ni memang banyak membantu dan menyelamatkan kita dalam membuat pentaksiran sebenarnya.

(TB/GBA 2)

Perkara yang sama juga turut dilakukan oleh GBA 1 dan GBA 3 yang menyatakan teknik ulang dan sebut salah satu kaedah yang digunakan dalam proses PdP. Malah murid-murid akan diajar menyebut kalimah terlebih dahulu sebelum membina ayat. Hal ini menunjukkan kaedah yang dilakukan oleh guru-guru bahasa Arab mengikut DSKP yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK).

Melalui soal jawab


Seterusnya adalah pemilihan kaedah pentaksiran kemahiran bertutur melalui soal jawab. Teknik soal jawab merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan antara guru bersama murid ataupun murid dengan murid di dalam bilik darjah (Kamarul Azmi, 2007). Kemenjadian seseorang murid dapat ditaksir dan dinilai apabila mereka saling berlumba-lumba untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru. Pernyataan ini telah dipersetujui oleh ketiga-tiga peserta kajian iaitu GBA 1, GBA 2 dan GBA 3 yang menunjukkan kaedah kemahiran bertutur melalui soal jawab sebagai medium bahasa Arab sering dilakukan oleh guru.

Berikut adalah contoh petikan GBA 1 yang menyatakan aktiviti soal jawab antara guru dan murid sering diaplikasikan dalam bilik darjah iaitu;

“saya sering juga soal mereka dalam kelas, tanya hal antum fahimtu? Ada murid yang jawab dan ada yang dengar je.

(TB/GBA 1)

Manakala GBA 3 pula sering menyoal murid tentang sesi pembelajaran yang lepas; contohnya menyoal kalimah-kalimah bahasa Arab yang telah dipelajari. Jika murid dapat jawab soalan, beliau akan memberikan ganjaran seperti ucapan pujia-pujian dan tepuk-tepuk semangat. Hal ini dapat memupuk sikap positif dalam kalangan murid untuk sentiasa bersedia semasa proses PdP berjalan. Secara keseluruhannya tema dan subtema kaedah pentaksiran bagi kemahiran bertutur bagi pengajaran Bahasa Arab sekolah rendah adalah seperti Rajah 4.4 berikut.



Rajah 4.4 Kaedah pentaksiran kemahiran bertutur

Bentuk pentaksiran

Tema keempat kaedah pentaksiran pegajaran Bahasa Arab sekolah rendah bagi kemahiran lisan adalah bentuk pentaksiran. Bentuk pentaksiran pula telah menghasilkan dua tema iaitu pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif. Kedua-dua subtema tersebut adalah seperti berikut;

a) Pentaksiran Formatif

Pentaksiran formatif merupakan pentaksiran yang dijalankan secara beterusan semasa proses PdP di dalam bilik darjah. Tujuan pentaksiran formatif dilaksanakan adalah untuk menilai tahap keupayaan murid secara berterusan. Malah ianya bertujuan untuk melihat perkembangan murid dan penglibatan murid di dalam bilik darjah seperti aktiviti berpusatkan murid. Selain itu, guru-guru juga boleh melakukan pentaksiran secara beterusan melalui pemerhatian, kuiz, soal jawab dan sebagainya. Murid-murid ditaksir dengan lebih adil mengikut tahap penguasaan mereka dalam sesuatu kemahiran yang diajar. Hasil kajian mendapati ketiga-tiga peserta kajian turut melaksanakan pentaksiran formatif di dalam bilik darjah. Berikut adalah contoh petikan temubual bersama dengan GBA 3;

“Kemahiran pentaksiran ni berkaitan dengan pengajaran, di sekolah ni kami buat dua-dua iaitu Sumatif dan formatif.

(TB/GPA 3)

Pernyataan ini juga turut diakui oleh GBA 2 yang menyatakan pentaksiran formatif lagi telus kerana PBD menguji kemahiran berbahasa terutamanya bagi kemahiran mendengar dan bertutur. Selain itu, pentaksiran yang dilaksanakan berdasarkan kepada tahap murid untuk membantu perkembangan pembelajaran mereka secara holistik.

b) Pentaksiran Sumatif

Pentaksiran sumatif pula dijalankan pada pertengahan penggal dan akhir penggal. Pada kebiasaannya pentaksiran ini lebih menekankan kepada peperiksaan bertulis untuk menguji sejauh mana kefahaman murid dalam setiap topik yang diajar. Walaupun PBD dilaksanakan sepanjang tahun, namun peperiksaan masih lagi dijalankan pada peringkat sekolah. Hasil kajian mendapati ketiga-tiga peserta kajian turut menjalankan pentaksiran sumatif. Menurut GBA 3, peperiksaan bertulis dijalankan sebanyak dua kali setahun di sekolahnya, manakala GBA 1 dan GBA 2 pula melaksanakan peperiksaan sekali sahaja iaitu hanya pada akhir tahun. Namun begitu, dalam pentaksiran yang melibatkan kemahiran mendengar dan bertutur tidak digunakan di dalam pentaksiran sumatif kerana tiada ujian bertulis.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada data yang telah dianalisis, terdapat empat tema utama yang telah dikenalpasti iaitu (i) perancangan guru, (ii) pentaksiran berterusan, (iii) pemilihan kaedah pentaksiran lisan, (murid, dan (v) bentuk pentaksiran. Tema pertama bagi perancangan guru dipecahkan kepada dua sub tema iaitu (i) merancang kaedah murid mendengar dan bertutur, (ii) merancang bahan kemahiran mendengar dan bertutur. Manakala tema pentaksiran berterusan menghasilkan tiga sub tema iaitu i) pentaksiran berterusan sepanjang pengajaran, (ii) pentaksiran berterusan sepanjang tahun, dan (iii) pentaksiran secara tidak langsung. Tema yang ketiga ialah pemilihan kaedah pentaksiran kemahiran lisan menghasilkan dua iaitu mendengar dan bertutur. Seterusnya tema yang keempat pula adalah bentuk pentaksiran yang menghasilkan dua subtema iaitu pentaksiran formatif dan sumatif. Berdasarkan kepada dapatan tersebut, ini boleh dijadikan panduan kepada guru untuk menggunakan kaedah pentaksiran dalam PdP.

a. Perancangan Awal Guru

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian yang terdiri daripada GBA 1, GBA 2 dan GbA 3 telah membuat perancangan awal sebelum melaksanakan aktiviti pentaksiran di dalam bilik darjah. Oleh itu, menjadi tugas dan tanggungjawab guru untuk merancang objektif pentaksiran dengan lebih teliti berpandukan kepada DSKP dan buku teks bahasa Arab yang dibekalkan oleh KPM. Malah selaku guru bahasa Arab, pentaksiran yang dilaksanakan dalam bilik darjah memerlukan mereka menguasai setiap kod-kod yang tertera pada bahagian bawah buku teks. Sebagai contoh untuk menguji kemahiran mendengar dan bertutur kod nombor adalah 1.1 membawa maksud الاستماع إلى أصوات الحروف, seterusnya 1.2 الاستماع إلى الجمل dan 1.3 الاستماع إلى كلمات. Kod-kod tersebut dipecahkan lagi kepada beberapa pecahan kod kecil untuk memberi panduan kepada guru dalam merancang objektif pengajaran.

Perancangan awal guru sebelum memulakan PdP turut selari dengan kajian Wan Mohd Zuhairi (2017) yang menyatakan perancangan awal sebelum memulakan PdP dapat membantu guru mengesan evidens pentaksiran serta memudahkan guru melaksanakan aktiviti pentaksiran. Tambahan lagi, Farihah (2020) turut berpendapat pengajaran nahu yang menarik serta sistematik bermula daripada perancangan awal guru dalam penyediaan RPH yang disusun dengan teratur. Dapatan kajian juga selari dengan kajian lepas yang merumuskan agar guru

merancang pentaksiran dalam proses pengajaran supaya lebih teratur. Sehubungan dengan itu, hasil kajian Abdullah (2018), Ainon (2016) dan Nor Mazidah (2012) menyatakan terdapat sebahagian besar guru telah merancang dan membuat persediaan PdP Bahasa Arab sebelum sesi pengajaran.

b. Pentaksiran berterusan

Pentaksiran beterusan sering kali dilakukan oleh guru untuk menilai tahap penguasaan dan kefahaman murid selepas sesi PdP. Walau bagaimanapun, dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) guru boleh mentaksir murid sepanjang PdP berlangsung. Malah pentaksiran juga berlaku secara tidak langsung tanpa pengetahuan murid. Contohnya guru membuat pemerhatian semasa aktiviti pembelajaran yang melibatkan murid di dalam bilik darjah. Bahkan dalam dapatan kajian juga mendapati ketiga-tiga GBA berkemahiran dalam menggunakan peralatan ICT. Di samping itu, aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada kemahiran mendengar dan bertutur amat dititikberatkan dalam pentaksiran. Aktiviti seperti kuiz, permainan bahasa, soal jawab, hiwar dan pembentangan tugas merupakan aktiviti yang menyeronokkan bagi murid sekolah rendah. Bahkan pentaksiran PBD secara berterusan ini juga ada persamaan dengan pengkaji-pengkaji lepas seperti Mohd Haidi et al. (2020); Suzana (2015) dan Dewani (2018) yang menyatakan tugas guru bukan sahaja mengajar, tetapi sebaliknya guru juga membuat pemerhatian, mentaksir dan menilai perkembangan muridnya sepanjang keberadaan di dalam bilik darjah.

Pentaksiran bertujuan membantu perkembangan pembelajaran murid secara holistik tanpa membandingkan tahap penguasaan mereka di dalam bilik darjah. Selain itu, guru dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan murid semasa proses pentaksiran berlangsung. Seterusnya berdasarkan kepada Model Robert Glaser (1962) juga berpendapat bahawa seorang guru perlu melakukan pentaksiran terhadap keberkesanan pengajaran dan pemilihan objektif yang bersesuaian mengikut yang telah ditetapkan. Hal ini jelas menunjukkan peranan guru amat penting dalam memastikan murid-murid dapat ditaksir mengikut tahap kemampuan masing-masing dan menambah baik teknik pengajaran semasa sesi PdP.

c. Pemilihan kaedah pentaksiran

Pemilihan kaedah pentaksiran merupakan cara atau teknik yang digunakan oleh guru bahasa Arab dalam menilai atau mentaksir murid-murid di dalam bilik darjah. Kaedah pentaksiran bagi kemahiran lisan ini merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur. Dapatkan menunjukkan terdapat tiga kaedah yang dilaksanakan oleh ketiga-tiga peserta kajian iaitu dengar dan faham, dengar dan tulis serta dengar dan sebut. Malah bagi kemahiran bertutur pula mereka kaedah yang digunakan ialah melalui *lughatul fasli*, melalui ulang sebut dan soal jawab. Melalui kaedah-kaedah tersebut, didapati murid-murid lebih mudah memahami konsep kemahiran lisan dalam proses PdP Bahasa Arab. Hal ini seiring dengan kajian Manjula (2018) yang menggunakan kaedah tersebut bagi meningkatkan daya saing dan kemahiran berkomunikasi di dalam bilik darjah.

d. Bentuk pentaksiran

Pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru Bahasa Arab meliputi dua jenis pentaksiran iaitu formatif dan sumatif. Walaupun KPM menyatakan tiada lagi pentaksiran yang berfokuskan kepada peperiksaan (*exam oriented*), namun ia masih lagi dilakukan mengikut keperluan sekolah. Malah terdapat percanggahan pendapat antara peserta kajian iaitu GBA 2 dan GBA 3 dalam isu PBD. GBA 2 bersetuju menyatakan bahawa Pentaksiran Formatif lebih telus kerana dapat menilai murid dengan lebih berkesan dan menguji kemahiran berbahasa. Namun sebaliknya GBA 3 berpandangan, pentaksiran formatif sedikit membebankan kerana kesukaran untuk mentaksir murid dengan bilangan yang sangat ramai di dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, guru-guru bahasa Arab melaksanakan kedua-dua pentaksiran tersebut dengan menyediakan soalan mengikut tahap kecerdasan murid dan mengikut topik yang diajar. Malah menurut pernyataan Suzana (2015) dan Wan Sakiah (2016) teknik pentaksiran formatif merupakan pentaksiran yang paling mudah dikendalikan kerana dapat memberikan data kefahaman murid. Selain itu, dalam masa yang sama aktiviti soal jawab adalah salah satu aktiviti yang boleh menguji kefahaman murid.

Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian dirumuskan bahawa guru-guru Bahasa Arab telah melaksanakan pelbagai kaedah pentaksiran pengajaran Bahasa Arab sekolah rendah bagi kemahiran lisan. Peranan guru sebagai pentaksir memerlukan sikap intergriti yang tinggi semasa melaksanakan PBD. Hal ini untuk mengelakkan berlakunya ketidakadilan atau bias kepada murid-murid yang lemah yang sukar untuk menguasai pembelajaran. Justeru itu, pentaksiran seharusnya dinilai mengikut tahap pencapaian murid yang sebenar dan bukan sekadar mengisi tahap penguasaan mengikut kehendak pihak sekolah atau KPM. Oleh yang demikian, pihak berkepentingan khususnya Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM perlu melatih guru-guru Bahasa Arab dalam meningkatkan tahap profesionalisme keguruan agar pelaksanaan pentaksiran Bahasa Arab dapat dilaksanakan mengikut garis panduan dan landasan yang betul. Selain itu, tindakan pihak sekolah juga amat penting bagi memastikan guru-guru Bahasa Arab mendapat maklumat yang sewajarnya berkaitan dengan pelaksanaan PBD Bahasa Arab. Sekiranya guru-guru keciciran maklumat, sudah pasti pelaksanaan PBD yang dijalankan tidak kemas dan kurang professional.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah menghasilkan beberapa tema utama berkaitan dengan kaedah pentaksiran kemahiran lisan dalam pengajaran bahasa Arab sekolah rendah. Pentaksiran bagi kemahiran lisan dalam pengajaran bahasa Arab sangat membantu perkembangan murid dalam penguasaan bahasa. Selain itu, kepelbagaiannya kaedah pentaksiran yang dilakukan oleh guru-guru bahasa Arab dalam mentaksir murid-murid jelas membuktikan mereka memahami akan setiap kemahiran yang ditaksir. Bahkan Teknik pengajaran yang berpusatkan murid serta melihat perkembangan merupakan objektif dan matlamat PBD itu sendiri. PBD bukan hanya menguji kefahaman dalam pembelajaran sahaja, namun ia membantu guru menambah baik pengajaran dan pembelajaran. Justeru, untuk pengkaji yang akan datang boleh mengkaji berkaitan dengan kaedah pentaksiran bagi murid-murid inklusif atau yang mengalami masalah pembelajaran.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Talib. 1989. *Pengajaran dan Pengujian Bahasa*. Kuala Lumpur: Nurun Enterprise.
- Abdul Rahman Abdullah. 2009. Kompetensi komunikatif dan strategi komunikasi bahasa Arab di kalangan pelajar SMKA di negeri Selangor. Tesis Ph.D. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Abdullah Hamzah. 2018. Kebimbangan Bahasa guru pelatih pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dan kaitannya dengan strategi pembelajaran. Tesis Ph.D. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Kilani Mohamed. 2001. *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Edisi 1. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Ainon Wazir. 2016. Pengetahuan pedagogi isi kandungan guru Bahasa Arab sekolah menengah. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Airasian, P.W. 2001. *Classroom assessment: concept and applications*. Boston : Mc Graw-Hill.
- Ana Hafizan Daud. 2012. Pelaksanaan bilik darjah dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Disertasi Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Arsaythamby Veloo. 2011. Keupayaan teori dan pelaksanaan pentaksiran dalam pembelajaran.
- Awatif Abdul Rahman, Hairun Najuwah Jamali & Ku Fatahiyah Ku Azizan. 2014. Pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca Bahasa Arab di KUIS. *Conference: 4th International Conference and Exhibition On Islamic Education 2014 (ICIEd2014)*. Kota Bharu: Kelantan.
- Azizah, Zaharah, Norasyikin & Norshila. 2020. Amalan pentaksiran bilik darjah (pbd) bagi pentaksiran autentik dalam kalangan guru sekolah rendah. *Proceeding of International Conference on The Future of Education (IconFEd) 2020. Institute of Education Tengku Bainun Campus, Penang, Malaysia 17-18 November*. hlm. 184-196.
- Baskaran, L. 1990. Pengajaran kemahiran bertutur. *Jurnal Dewan Bahasa* 4(April): 260-264.
- Black, P. J., William, D. 1998. *Assessment and classroom learning, assessment in education, principles, policy and practice*, 5(1).
- Boon Pong Ying, Lee Leh Hong & Lawrence Aloysius Aeria. 2017. *Pentaksiran dalam Pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Brookhart, S. M. 2008. Portfolio assessment. 21st century education: A reference handbook. Sage Publications. http://www.sage-ereference.com/education/Article_n48.html [26 April 2010].
- Brown, G., & Yule, G. 1983. *Teaching the Spoken Language: An Approach Based on the Analysis of Conversational English*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Buck, G. 2001. *Assessing listening*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Bygate, M. 1987. *Speaking*. Oxford: Oxford University Press.
- Chiang, C. S., & Dunkel, P. 1992. The effect of speech modification, prior knowledge, and listening proficiency on EFL lecture learning. *TESOL Quarterly*: 345-374.
- Chua Yan Piaw. 2011. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : McGraw Hill Education.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry & research design choosing among five approaches (2nd ed)*. California, USA: Sage Publications Inc.
- Donmofer, R. 1990. Generalizability and single case-study. Dlm. Eisner, E.W & Peskin, (pnyt). *Qualitative Inquiry in Education: The Continuing Debate*. New York: Teacher College.
- Elkhafaifi, H. 2005. The effect of prelistening activities on listening comprehension in Arabic learners. *Foreign Language Annals* 38(4): 505-513.

- Faizatul Nadia Mohd Tahir, Harun Baharudin & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2016. Penilaian pelajar dan akauntabiliti guru dalam pembelajaran bahasa Arab. *Kolokium Pendidikan Bahasa Arab 2016 (KOLBAR 16)*, hlm. 185-193.
- Fariyah Hussain. 2020. Efikasi kendiri guru Bahasa Arab dalam pengajaran nahu Kurikulum Bersepadu Dini. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2016. Metodologi penyelidikan dalam Pendidikan : amalan dan analisis kajian. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Habibah Mat Rejab. 2016. Amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran Insya' Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Hafizah Abd Satar. 2021. Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) guru bahasa Arab peringkat menengah rendah : Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jefridin Pilus. 2011. Maklum balas guru terhadap respons pelajar semasa pengajaran Bahasa Arab Tinggi: Satu Kajian Kes. *Tesis Ph.D.* yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Journal of Governance and Development* 7: 8-15.
- Kamarul Azmi Jazmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan pembelajaran*, Skudai Johor : Penerbit UTM.
- Kaseh, A. B., Nik Farakh, S., & Zeti Akhtar, M. R. 2010. Self-determination theory and motivational orientations of Arabic learners: A principal component analysis. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 10(1): 71-86.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF*. Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. Panduan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Edisi ke- 1 Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lincoln, S. & Guba, E. G. 1985. *Naturalistic Inquiry*. Newbury Park Calif: Sage Publication.
- Maki, P. L. 2002. Developing an assessment plan to learn about student learning, *Journal of Academic Librarianship*, 28(1): 8-13.
- Marohaini Mohd Yusoff . 2013. *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- McMillan, J. H. (Ed.) 2007. *Formative classroom assessment: The key to improving student achievement*. Dlm McMillan, J.H. Formative classroom assessment : theory into practice. NY: Teachers College, Columbia University.
- McMillan, J. H. 2001. *Classroom assessment: principles and practice for effective instruction*. Needham Heights, MA : Allyn & Bacon.
- Merriam, S. B. 2009. *Qualitative Research. A guide to design and implementations*. San Francisco: Jossey -Bass Publishers.
- Merriam, S.B. 1998. *Case study research in education. A qualitative approach*. San Francisco: Josey-Bass Publishers.
- Mohamad Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. 2006. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Sahari Nordin. 2002. *Pengujian dan penaksiran di bilik darjah*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohd Azhar Mat Ali. 2006. Amalan pentaksiran untuk pembelajaran di sekolah Menengah. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Othman Lebar. 2012. *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metod* (Edisi Keempat).Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Patton, M. Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. (2nd Ed.). Newbury Park: Sage Publications.
- Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah. 2017. Evidens pentaksiran dalam pengajaran bahasa Arab sekolah rendah. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.